




PARLIMEN MALAYSIA



**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUABELAS
2008**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN**

HARI ISNIN: 3 NOVEMBER 2008

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN

(SOALAN NO. 2, 8, 12, 13, 16, 18 HINGGA 34)

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1, 3 HINGGA 7, 9 HINGGA 11
14, 15 DAN 17**

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

SOALAN NO: 2

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI
[BAGAN SERAI]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2008

RUJUKAN : 1302

SOALAN :

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa pihak Kerajaan tidak membenarkan buruh asing khasnya dari Indonesia untuk bekerja di sektor perhutanan terutamanya dalam industri kayu bakau.

JAWAPAN UNTUK SOALAN PARLIMEN PADA 3.11.2008

Tuan yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Bagan Serai di atas soalan yang diikemukakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak melarang secara total penggajian pekerja asing daripada Indonesia atau negara-negara lain dalam sektor perhutanan. Walaupun secara dasarnya kebenaran penggajian pekerja asing dibuka kepada enam sektor sahaja iaitu sektor perkilangan, perladangan, pembinaan, pertanian, perkhidmatan dan pembantu rumah, Kerajaan juga menyedari hakikat bahawa majikan yang gagal mendapatkan warga tempatan setelah berusaha dengan berbagai cara tidak mempunyai pilihan lain selain daripada memohon pekerja asing. Dalam hal ini, majikan boleh mengemukakan permohonan beserta justifikasi yang kukuh untuk pertimbangan sewajarnya.

Soalan no : 8

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2008

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN ROSLAN BIN SHAHRUM
(BUKIT GANTANG)
TARIKH : 03 NOVEMBER 2008
SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan status pelaksanaan jalan luar Bandar dalam RMK9 dari segi peruntukan perbelanjaan, jumlah yang telah dan akan dilaksanakan serta bentuk tender yang dilaksanakan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 315 projek telah diluluskan di bawah program Jalan Luar Bandar (JALB) RMK9. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 68 projek telah siap; 124 projek dalam pembinaan dan 123 projek diperingkat perancangan. Sehingga kini sejumlah RM990.67 juta telah dibelanjakan berbanding dengan peruntukan yang diluluskan berjumlah RM2.55 bilion dan dijangka jumlah perbelanjaan ini akan terus meningkat.

Bagi kaedah pelaksanaan projek, Kementerian ini menggunakan semua kaedah perolehan yang ditetapkan oleh Kerajaan iaitu tender terbuka, terhad dan rundingan terus.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN
(BANDAR KUCHING)
TARIKH : 3.11.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING] minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab masalah kekurangan guru di SJK(C) yang wujud sepanjang masa ini dan apakah langkah-langkah baru yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Masalah kekurangan guru bukan sahaja berlaku di SJKC tetapi juga di semua jenis sekolah termasuklah di Sekolah Kebangsaan dan SJKT. Antara punca berlakunya kekurangan guru tersebut ialah pewujudan jawatan-jawatan baru dalam Anggaran Belanja Mengurus (ABM) 2008, pewujudan jawatan tambahan sama ada jawatan guru ataupun jawatan pentadbir sekolah. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengambil langkah jangka pendek dan jangka panjang bagi memastikan semua sekolah mendapat bekalan guru. Langkah ini bertujuan untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar tanpa sebarang gangguan.

Sebagai langkah jangka pendek untuk menampung kekurangan guru tersebut, KPM menggunakan khidmat Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) dan guru kontrak yang mendapat waran perjawatan daripada KPM, khidmat guru ganti melalui Kumpulan Guru

Simpanan Kebangsaan (KGSK) serta GSTT yang mengikuti program latihan Kursus Dalam Cuti (KDC).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara **pelan jangka panjang** bagi menangani kekurangan guru di SJKC ialah;

- i. GSTT yang sedang mengikuti program latihan Kursus Dalam Cuti (KDC) di bawah kelolaan Bahagian Pendidikan Guru (BPG) akan diserap sebagai guru terlatih setelah menamatkan kursus dengan jayanya;
- ii. GSTT yang bukan di bawah program KDC pula boleh memohon untuk mengikuti mana-mana program latihan BPG sekiranya mereka berminat dan memenuhi syarat mengikut prosedur sedia ada;
- iii. Untuk memenuhi keperluan guru pengajian Cina, KPM menawarkan sebanyak **600 tempat** di bawah program Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM) (**Pengajian Cina –mode KDC**). Kursus akan diadakan pada bulan November 2008 kepada GSTT yang berkecukupan. Sehingga 30 Oktober 2008, seramai 1123 orang calon telah menjalani temuduga pengambilan guru pelatih bagi program tersebut; dan
- iv. Selain itu, KPM juga melatih guru dengan pelbagai mode latihan perguruan termasuklah Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI), dan Kursus Perguruan Lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (KPLSPM).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN ROSNAH BINTI ABDUL RASHID SHIRLIN[PAPAR]
TARIKH : 03.11.2008 (ISNIN)
SOALAN : 30 13

PUAN ROSNAH BINTI ABDUL RASHID SHIRLIN [PAPAR] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA menyatakan jumlah keseluruhan pelanggan Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang menggunakan dan memanfaatkan sistem pendaftaran syarikat secara on-line sejak ianya dilancarkan dan menyatakan keuntungan keseluruhan yang telah diperolehi oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia sejak tahun 2004-2007.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Sejak Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) memperkenalkan perkhidmatan *e-Lodgement*, jumlah transaksi dari Mei 2007 hingga September 2008 ialah sebanyak 126,033 dengan hasil yang diperolehi sebanyak RM3,569,439.
2. Perkhidmatan *e-Lodgement* terbahagi kepada dua iaitu *e-Lodgement* perniagaan yang telah dilancarkan pada bulan Mei 2007 dan *e-Lodgement* Syarikat yang mana fasa pertamanya telah dilancarkan pada bulan November 2007.

3. Perkhidmatan *e-Lodgement* membolehkan pelanggan memfail dan menyerah simpan dokumen secara *online*. Perkhidmatan ini melibatkan interaksi dua hala di mana pelanggan memfailkan dan menyerah simpan dokumen secara *online* dan SSM memaklumkan keputusan permohonan itu juga secara *online*.

4. Perkhidmatan ini merupakan satu wadah alternatif untuk orang ramai menyemak atau membeli maklumat korporat dan perniagaan dengan mudah, selesa, pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja tanpa perlu hadir secara peribadi di kaunter SSM.

SOALAN DEWAN RAKYAT

- Daripada : Dr Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]
- Tarikh : 3 November 2008 (Isnin)
- Soalan : **Dr Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kes-kes yang melibatkan penguatkuasaan Maritim terhadap nelayan tempatan yang menjadi 'tonto' laut kepada sindiket yang membawa masuk pendatang haram ke perairan negara ini.
- Jawapan : **Tuan Yang Di Pertua,**

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia sentiasa peka dengan kes-kes melibatkan tonto laut ini. Namun, setakat ini Agensi ini masih belum terlibat dalam kes tangkapan nelayan tempatan yang menjadi tonto laut kepada sindiket yang membawa masuk pendatang asing tanpa izin (PATI). Maklumat-maklumat perisikan sentiasa dikumpul bagi membolehkan Agensi ini bertindak sekiranya terdapat kes-kes tonto laut ini. Aset-aset APMM juga sentiasa ditempatkan di lokasi-lokasi strategik bagi mencegah perkara seumpama ini berlaku.

SOALAN NO: 18

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT.**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2008

RUJUKAN : 1302

Soalan :

Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan beberapa banyak wang rakyat yang dibelanjakan untuk menangkap Datuk Seri Anwar Ibrahim memandangkan 15 kereta peronda polis digunakan berserta Unit Tindakan Khas (KHAS) yang lengkap bertopeng dan bersenjata lengkap.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Shah Alam yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, tiada kos secara langsung yang terlibat dalam operasi tangkapan ke atas DSAI pada 16 Julai 2008, yang telah disabitkan dengan satu kesalahan liwat di bawah Sek 337 (B) Kanun Keseksaan. Implikasi kewangan yang terlibat berkenaan operasi ini adalah satu tugas rutin pasukan keselamatan, maka ia tidak melibatkan sebarang implikasi kewangan di luar jangkaan kepada pihak Kerajaan.

Tuan Yang DiPertua,

Dalam operasi ini tiada seorang pun anggota dari Unit Tindakan Khas (UTK) yang terlibat, sebaliknya operasi ini melibatkan seramai 4 orang pegawai dan 20 orang anggota dari Jabatan Siasatan

Jenayah (JSJ), Bukit Aman Kuala Lumpur, setelah satu waran tangkap dikeluarkan terhadap beliau pada 15 Julai 2008.

Jumlah kenderaan yang digunakan tidaklah mencapai jumlah sebanyak 15 seperti yang dinyatakan. Operasi tersebut hanya melibatkan 9 buah kenderaan iaitu 2 buah motosikal, 1 buah kereta peronda polis dan 6 buah SUV polis.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN TAN AH ENG
[GELANG PATAH]
TARIKH : 3 NOVEMBER 2008
SOALAN :**

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- (a) bilakah pembinaan poliklinik di Taman Universiti, Gelang Patah akan bermula; dan
- (b) langkah-langkah untuk menaik taraf poliklinik di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Urusan tender bagi Klinik Kesihatan Jenis 3 (KK3) Taman Universiti telah selesai dan kontraktor telah dilantik. Projek ini dijangka akan dapat dilaksanakan pada bulan September 2008.

(b) Langkah-langkah untuk menaiktaraf klinik-klinik luar bandar adalah seperti berikut :

- (i) Semua Klinik Desa jenis lama digantikan dengan jenis baru iaitu Klinik Desa 2G;**
- (ii) Menukar Rumah Bidan Kerajaan (RBK) kepada Klinik Desa atau Klinik Kesihatan bergantung kepada keperluan dan kepadatan penduduk;**
- (iii) Setiap Klinik Kesihatan yang tidak dapat menampung jumlah pesakit yang bertambah dan uzur juga akan dinaiktaraf dan digantikan dengan Klinik Kesihatan yang baru; dan**
- (iv) Memperluaskan skop perkhidmatan sesebuah klinik, misalnya menambahkan perkhidmatam Kesihatan Ibu dan Anak serta menambahkan lagi pakar kesihatan keluarga di semua klinik luar bandar.**

PERTANYAAN NO: 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN CHONG ENG

KAWASAN : BUKIT MERTAJAM

RUJUKAN : 1304

TARIKH : 3 NOVEMBER 2008

Y.B. Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah kes cerai bagi tahun dari 1990 hingga sekarang dan berapakah di antara kes-kes ini diperintahkan oleh mahkamah untuk memberi nafkah kepada bekas isteri dan anak-anak. Nyatakan jumlah kes bekas suami tidak membayar nafkah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua ,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli yang Berhormat Bukit Mertajam yang mengemukakan pertanyaan.

Jumlah kes perceraian yang telah didaftarkan di Jabatan Pendaftaran negara dari tahun 1990 hingga bulan Julai 2008 adalah sebanyak 35,202 kes.

Untuk makluman Tuan Yang DiPertua, Jabatan Pendaftaran Negara hanya mendaftarkan rekod perceraian berdasarkan Dekri Nisi Mutlak yang diterima daripada Mahkamah Tinggi di setiap negeri dan merujuk kepada orang-orang yang bukan beragama Islam yang telah mendaftar perkahwinan mereka di bawah Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976. Walau bagaimanapun, Jabatan Pendaftaran Negara tidak menyimpan rekod mengenai pemberian nafkah kepada bekas isteri dan anak-anak kerana ia bukan di bawah bidang kuasa Jabatan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : DATO' SERI DR. JAMALUDDIN BIN
DATO' MOHD JARJIS (ROMPIN)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 03.11.2008

Dato' Seri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis (Rompin) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi menangani masalah kenaikan inflasi (8%) semasa dan apakah Kerajaan akan mempertimbangkan untuk menurunkan kembali harga minyak sesuai dengan penurunan harga minyak mentah global.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Yang Berhormat, kenaikan kadar inflasi tidak berpunca daripada kelemahan pengurusan Kerajaan, sebaliknya ia merupakan fenomena global akibat kenaikan ketara harga minyak mentah dan komoditi makanan di pasaran dunia. Kerajaan amat prihatin terhadap beban kenaikan harga yang ditanggung oleh rakyat, khususnya golongan yang berpendapatan rendah. Di antara langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan kesan inflasi kepada rakyat adalah seperti berikut:

- Melaksanakan Dasar Jaminan Makanan dengan peruntukan RM2.5 bilion bagi meningkatkan pengeluaran dan memastikan bekalan bahan makanan mencukupi untuk jangka masa yang panjang;

- Memberi subsidi ke atas harga tepung, roti, beras (Super 15%), minyak masak dan barangan petroleum serta mengekalkan harga gas masak pada kadar RM1.75 sekilogram;
- Melaksanakan kawalan harga ke atas 8 barangan keperluan asas seperti tepung gandum, gula, susu, minyak masak, beras, roti, ayam dan barangan petroleum;
- Mengekalkan tarif elektrik yang sedia ada bagi isi rumah yang menggunakan 200kwh dan ke bawah iaitu merangkumi 59% daripada jumlah isi rumah;
- Mengekalkan subsidi diesel kepada pemegang *fleet card* dan NGV kepada pengusaha pengangkutan awam pada RM1.43 seliter dan RM0.635 seliter;
- Menyeragamkan harga bagi Semenanjung, Sabah dan Sarawak bagi harga keperluan asas seperti beras, tepung gandum, susu, gula dan gas masak; dan
- Meningkatkan penguatkuasaan ke atas kawalan harga dan bekalan barangan yang dikawal supaya para peniaga tidak sewenang-wenangnya menaikkan harga.

3. Sementara itu, langkah baru dalam menangani tekanan inflasi demi mengurangkan beban kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah akan diumumkan oleh Kerajaan semasa pembentangan Bajet Tahunan 2009 pada 29 Ogos kelak.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Selaras dengan aliran penurunan harga minyak mentah global pada masa ini, Kerajaan telah mengumumkan bahawa harga runcit petrol akan berdasarkan purata harga pasaran minyak mentah dunia bulanan berkuat kuasa 1 September 2008. Dalam pada itu, Kerajaan akan mengekalkan kadar subsidi 30 sen per liter dan harga ini akan ditetapkan pada hari pertama setiap bulan dan tidak akan melangkaui harga RM2.70 seliter pada tahun ini. Di samping itu, Kerajaan telah

menubuhkan Majlis Ekonomi yang berperanan sebagai badan penasihat bagi menangani masalah inflasi dan kelembapan ekonomi global yang memberi kesan kepada negara. Majlis Ekonomi ini mengambil alih peranan Jawatankuasa Kabinet dan Majlis berhubung langkah-langkah membendung inflasi.

5. Langkah-langkah yang dilaksanakan ini merangkumi penyediaan insentif dan bayaran subsidi tambahan yang bertujuan mengurangkan kesan kenaikan harga. Selaras dengan persekitaran mencabar yang dihadapi negara kini, semua lapisan masyarakat termasuk Kerajaan perlu membuat penyesuaian dan disarankan untuk berbelanja dengan berhemat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

NO: 22

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN AMRAN BIN AB GHANI [TANAH MERAH]
TARIKH : 03.11.2008 (ISNIN)
SOALAN : H 22

TUAN AMRAN BIN AB GHANI [TANAH MERAH] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang mengkaji semula peraturan Petroleum Development Act (PDA) (hanya dalam kenderaan sahaja) kebenaran membeli petrol dalam tong 20 liter ke bawah di stesyen minyak demi untuk kemudahan rakyat di kampung-kampung.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini, Kerajaan tiada mengenakan sebarang sekatan untuk pembelian petrol dalam tong 20 liter di stesen-stesen minyak. Walau bagaimanapun, had pembelian di dalam tong tidak melebihi 20 liter dikuatkuasakan untuk produk diesel sahaja. Kerajaan masih mengekalkan dasar ini dan tidak bercadang untuk menggubal semula dasar ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL
[LABUAN]
TARIKH : 3 NOVEMBER 2008
SOALAN :

Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang memberikan kemudahan peralatan dan kelengkapan perubatan terkini kepada Hospital Wilayah Persekutuan Labuan yang sekarang amat memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua,

Ketika ini, Hospital Labuan mempunyai 109 buah katil dan mempunyai kepakaran dalam bidang Perubatan, Pembedahan dan Anestesiologi. Pada masa akan datang terdapat beberapa lagi kepakaran yang dicadangkan termasuk Perbidanan dan Sakit Puan, Kanak-Kanak dan Ortopedik. Sehubungan dengan itu, kemudahan peralatan dan kelengkapan perubatan yang diperlukan untuk perkhidmatan kepakaran sebagaimana yang telah disebutkan, akan

disediakan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa mengikut perkembangan dan keperluan perkhidmatan. Antara peralatan yang baru diperolehi secara tender dan telah diterima oleh Hospital Labuan ialah *Reverse Osmosis System (15 bedded)* dan *Automated Dialyzer Reprocessing Machine*.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Pertanyaan : **LISAN**

Daripada : **TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA [PARIT]**

Tarikh : **ISNIN, 3 NOVEMBER 2008**

SOALAN

Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan apakah rasionalnya RTM kerap menayangkan drama berunsur negatif seperti kisah tahyul, khurafat dan sihir kerana boleh merosakkan minda penonton terutamanya kanak-kanak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih kepada YB Parit atas soalan yang dikemukakan. Filem dan drama yang ditayangkan oleh RTM telah melalui proses tapisan oleh Lembaga Penapisan Filem (LPF) dan juga penilaian oleh pegawai-pegawai RTM. Berdasarkan Garis Panduan Siaran RTM, filem dan drama yang berunsur negatif dan merosakkan minda penonton akan ditolak atau disunting sebelum disiarkan.

No: 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH [LIMBANG]
TARIKH : 03.11.2008 (ISNIN)
SOALAN : 25

TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH [LIMBANG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan bilakah pihak Kementerian dapat melaksanakan rancangan untuk melaksanakan pengendalian hub stesen minyak untuk penduduk di kawasan pedalaman negeri Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa prihatin dan peka terhadap masalah yang dihadapi penduduk di kawasan luar bandar yang sukar untuk mendapatkan bekalan petrol dan diesel bersubsidi termasuklah di kawasan pedalaman Sarawak. Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna telah melaksanakan program pembangunan stesen minyak mini di luar bandar yang memberi kemudahan kepada penduduk di pedalaman mendapatkan bekalan petrol dan diesel pada harga yang dikawal oleh Kerajaan di Sarawak. Sehingga kini, sebanyak 13 buah stesen minyak mini telah beroperasi di Sarawak.

Di samping itu, pada 18 Julai 2008, Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Teknikal Bantuan Minyak yang dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak dan dianggotai oleh wakil daripada Kementerian Kewangan Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Pejabat-pejabat Residen di Sarawak bagi mengkaji dengan lebih teliti kesesuaian pelaksanaan depoh minyak di kawasan pedalaman Sarawak. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk mengenalpasti lokasi depoh dan aspek-aspek seperti keselamatan, logistik, mekanisme pelaksanaan, pemantauan dan isu-isu lain yang berkaitan. Langkah ini adalah perlu bagi memastikan bahawa program yang akan dilaksanakan ini dapat memberi manfaat kepada penduduk luar bandar dan pada masa yang sama tidak menimbulkan masalah berbangkit di kemudian hari.

Wakil-wakil daripada Pejabat Residen kini sedang mengenalpasti lokasi yang bersesuaian untuk pelaksanaan program ini. Lokasi ini akan diperhalusi mengikut kesesuaian dan keutamaan sebelum tindakan susulan diambil. Pelaksanaan depoh-depoh minyak di kawasan ini dijangka akan dilaksanakan pada pertengahan tahun 2009. Pada masa yang sama, Kerajaan juga menggalakkan sama ada syarikat ataupun individu yang berminat untuk membangunkan stesen minyak mini di kawasan pedalaman Sarawak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2008 (ISNIN)

SOALAN:

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta PERDANA MENTERI menyatakan tentang kesan serta impak terhadap pasaran buruh asing dan tahap pencapaian ekonomi terutamanya di negeri Sabah ekoran keputusan Kerajaan untuk mengusir buruh asing tanpa izin pada masa yang terdekat ini.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, jumlah keseluruhan pekerja asing tanpa izin (PATI) yang diusir dalam tahun 2006 adalah seramai 17,083 orang, tahun 2007 seramai 18,707 orang dan pada enam bulan pertama tahun 2008 seramai 8,070 orang.

Kerajaan tidak menjalankan sebarang kajian terhadap PATI dalam konteks ini, walau bagaimanapun berdasarkan kajian impak yang telah dibuat berkenaan pasaran buruh asing, kesan kemasukan buruh asing ke dalam pasaran buruh negara ini antara lainnya adalah seperti berikut:

a) Kesan Ke Atas Produktiviti

Pengambilan ramai pekerja asing yang mempunyai tahap pendidikan dan kemahiran yang rendah akan memberi kesan negatif terhadap produktiviti negara yang mana menyebabkan kadar produktiviti negara berada pada tahap rendah kerana bergantung kepada aktiviti ekonomi yang berintensifkan buruh;

b) Kesan Penggantian Pekerja Tempatan Dengan Pekerja Asing

Pengambilan pekerja asing telah mengurangkan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

c) Kadar Upah Yang Rendah

Kadar upah terutamanya pekerja yang tidak berkemahiran akan kekal rendah dan keadaan ini tidak akan menarik pekerja tempatan bekerja dalam industri pembuatan, perladangan dan perkhidmatan serta pekerjaan yang memerlukan tahap kemahiran yang rendah.

d) Sumbangan Kepada Ekonomi Negara

Penglibatan pekerja asing dalam pasaran buruh walau bagaimanapun ada memberi kesan positif dalam menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia.

Tuan Yang DiPertua,

Operasi menghantar balik pendatang tanpa izin di Sabah dibuat secara berperingkat-peringkat. Sehubungan itu, bagi mengurangkan impak terhadap pengusiran PATI tersebut, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja Sabah giat mempromosikan penggalakan penggajian pekerja tempatan di ladang. Jabatan Tenaga Kerja Sabah telahpun menubuhkan Jawatankuasa Khas Penggalakan Penggajian Pekerja Tempatan Sektor Ladang terutama di Tawau, Kunak dan Lahad Datu.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. (27)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN JOHN A/L FERNANDEZ (SEREMBAN)
TARIKH : 3 NOVEMBER 2008 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. TUAN JOHN A/L FERNANDEZ (SEREMBAN) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah terdapat sebarang perancangan di pihak Kementerian untuk menutup tapak pelupusan sampah Majlis Perbandaran Nilai, Pajam, Negeri Sembilan Darul Khusus di mana ianya tidak lagi sesuai kerana berdekatan dengan kawasan yang diduduki penduduk dan mengakibatkan udara di sekitar tercemar dan dipenuhi lalat.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tapak Pelupusan Majlis Perbandaran Nilai adalah salah satu tapak yang disenaraikan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk ditutup. Walau bagaimanapun, memandangkan tiada tapak alternatif baru pada masa ini, tapak berkenaan akan dinaik taraf bagi menampung pelupusan sisa pepejal bagi jangkamasa 2 hingga 3 tahun dengan kapasiti 270 tan/hari sehingga tapak baru di Tapak Pelupusan Ladang Tanah Merah, Mukim Jimah Port Dickson siap kelak. Proses naik taraf tapak ini kepada tahap sanitari dijangka akan dapat menangani masalah pencemaran udara dan bau.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2008

SOALAN NO. (28)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI SALLEH BIN KALBI
(SILAM)**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2008 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. TUAN HAJI SALLEH BIN KALBI (SILAM) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan hakikatnya hanya 20.7 peratus atau 72,582 buah rumah kos rendah dan sederhana daripada sasaran sejumlah 350,000 buah berjaya dibina dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7), bagaimanakah pula perancangan Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9; untuk mengatasi masalah perumahan golongan berpendapatan rendah.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sasaran 350 ribu unit rumah dalam RMK-7 merupakan sasaran untuk semua jenis rumah yang dirancang oleh agensi Kerajaan dan pihak swasta. Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM1.228 billion sebagai pinjaman kepada Kerajaan Negeri untuk melaksanakan sebanyak 30,118 unit Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) di seluruh negara.

Menyedari kelemahan yang terdapat dalam melaksanakan projek-projek perumahan kos rendah oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan bermula dari RMK-8 telah membuat keputusan untuk menggantikan pelaksanaan projek PAKR dengan Program Perumahan Rakyat (PPR). Kerajaan Persekutuan menyediakan peruntukan dan melaksanakan projek secara terus dengan kerjasama Kerajaan-Kerajaan Negeri.

Sehingga kini, sebanyak 55,284 unit PPR telah siap dibina dan 18,467 unit masih dalam pembinaan. Pelaksanaan projek-projek PPR akan diteruskan dalam RMK-9. Penumpuan projek PPR adalah bagi menyelesaikan masalah setinggan terutama di bandar-bandar besar seperti di Johor Bharu, Kota Kinabalu dan sebagainya. Selain itu, Kerajaan juga telah membenarkan rumah PPR disewa dijual bagi memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri di kawasan bandar. Dalam pada itu, Kerajaan juga telah memperkenalkan program khas bagi membantu golongan berpendapatan rendah membeli rumah di bawah Syarikat Jaminan Kredit Perumahan yang diwujudkan di bawah Kementerian Kewangan.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

November 2008

SULIT

NO SOALAN : 29

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LIEW CHIN TONG
(BUKIT BENDERA)**

**TARIKH : 03 NOVEMBER 2008
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan kebaikan Kerajaan mengemukakan Kertas Putih Pertahanan yang menggulung dasar pertahanan, analisa dari pandangan Malaysia terhadap keadaan terkini keselamatan pertahanan negara dan rantau.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa kini, Kementerian Pertahanan tidak mempunyai cadangan untuk mengeluarkan Kertas Putih Pertahanan (*Defence White Paper*) kerana bukanlah menjadi satu amalan Kertas Putih Pertahanan dibaca melalui Dewan ini.

Untuk makluman ahli-ahli Dewan yang mulia ini, Malaysia telah mempunyai Dasar Pertahanan Negara edisi Rahsia untuk edaran dalaman yang diluluskan oleh Jemaah Menteri. Kementerian Pertahanan kini di dalam proses menerbitkan Dasar Pertahanan Negara edisi Terbuka untuk makluman awam. Penerbitan Dasar Pertahanan edisi Terbuka ini akan menyentuh aspek dasar pertahanan yang sedang digunapakai selain memaparkan aspek hubungan kerjasama pertahanan, isu-isu keselamatan dan pertahanan serantau dan juga luar rantau.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED
(SEKIJANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 03.11.2008

SOALAN NO : 30

Datuk Haji Baharum Bin Mohamed (Sekijang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah dengan penurunan harga minyak di pasaran dunia, Kerajaan akan mengkaji semula harga minyak runcit negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah mengumumkan bahawa mulai 1 September 2008, harga petrol akan diselaraskan semula jika harga minyak mentah menunjukkan tren penurunan yang berterusan. Penyelarasan adalah berdasarkan formula iaitu:

kadar subsidi baru kurang daripada 30 sen seliter, harga akan turun/naik bersamaan dengan perbezaan diantara kadar subsidi baru dengan 30 sen.

Sebaliknya, apabila kadar subsidi baru melebihi 30 sen seliter, Kerajaan akan menanggung sepenuhnya kenaikan tersebut dan harga runcit petrol akan dikekalkan pada harga RM2.70 seliter sehingga penghujung tahun ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Pertanyaan : LISAN

Daripada : TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR
[KETEREH]

Tarikh : ISNIN, 3 NOVEMBER 2008

SOALAN

Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan adakah telah dikeluarkan garis panduan pakaian bagi pengacara televisyen dan adakah ianya diguna pakai oleh semua stesen tv di Malaysia. Sekiranya ada, bilakah kali terakhir garis panduan itu disemak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih kepada YB Ketereh atas soalan yang dikemukakan. Garis Panduan Siaran yang diguna pakai oleh RTM meliputi garis panduan berpakaian yang perlu dipatuhi oleh pengacara, penyampai dan semua pihak termasuk penerbit swasta yang membekalkan bahan-bahan siaran untuk RTM. Kali terakhir garis panduan itu disemak adalah pada tahun 2007.

SOALAN NO. 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : Y.B. HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
(KUANTAN)**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2008 (ISNIN)

SOALAN :

**Y.B. Puan Hajah Fuziah binti Salleh (Kuantan) minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**
menyatakan bilakah Dasar Wanita Negara yang baru, yang telah
dikaji semula akan dikeluarkan dan apakah kandungannya:

Jawapan ini telah diluluskan oleh Y. Bhg. Datuk KSU. Segala pindaan perlu
dirujuk semula kepada pihak Urusetia bagi memastikan kesahihan
maklumat.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Wanita Negara (DWN) yang digubal pada tahun 1989 telah dikaji semula dan akan dikemukakan untuk kelulusan Kerajaan pada akhir tahun 2008. DWN yang baru ini merupakan dasar pembangunan sosioekonomi yang merangkumi falsafah, inspirasi dan aspirasi wanita daripada pelbagai peringkat umur, lapisan masyarakat dan semua sektor.

Dari segi kandungannya, DWN ini mendukung prinsip tiada diskriminasi berasaskan gender, memberi penekanan kepada persekitaran yang kondusif bagi meningkatkan penglibatan wanita dalam pelbagai bidang, membudayakan kesaksamaan gender, penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan, peningkatan komitmen badan eksekutif, perundangan dan kehakiman (termasuk kehakiman syariah) serta mengambil kira komitmen Kerajaan terhadap konvensyen antarabangsa seperti Konvensyen Menghapuskan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) dan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC).

Jawapan ini telah diluluskan oleh Y. Bhg. Datuk KSU. Segala pindaan perlu dirujuk semula kepada pihak Urusetia bagi memastikan kesahihan maklumat.

DWN ini mempunyai enam matlamat iaitu :-

- (i) membangunkan potensi dan pengupayaan wanita dalam semua sektor;
- (ii) menyediakan persekitaran yang kondusif (*enabling environment*) yang merangkumi semua aspek iaitu fizikal, sosial, ekonomi, psikologi dan kerohanian;
- (iii) membudayakan kesaksamaan gender;
- (iv) memastikan pandangan dan suara wanita diterima pakai dalam proses membuat keputusan di semua peringkat;
- (v) mencapai kesaksamaan gender dalam memperoleh dan mengawal sumber; dan
- (vi) meningkat dan mengukuhkan perkongsian adil dan saksama antara gender..

Jawapan ini telah diluluskan oleh Y. Bhg. Datuk KSU. Segala pindaan perlu dirujuk semula kepada pihak Urusetia bagi memastikan kesahihan maklumat.

Bagi melaksanakan DWN, strategi-strategi pelaksanaan berikut digariskan :-

- (i) mengarusperdanakan perspektif gender dalam penggubalan dasar dan perundangan, perancangan, pelaksanaan dan penilaian program serta penyediaan bajet untuk pembangunan;
- (ii) meningkatkan komitmen terhadap isu-isu gender di kalangan *key personnel* di sektor awam dan sektor swasta;
- (iii) mengkaji semula dan menggubal undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan wanita;
- (iv) menjalankan penyelidikan/kajian mengenai aspek gender;
- (v) mengumpul, menganalisis dan mengaplikasikan data dan maklumat yang berkaitan dengan isu-isu gender;
- (vi) meningkatkan kapasiti dan keupayaan wanita dalam semua bidang; dan

Jawapan ini telah diluluskan oleh Y. Bhg. Datuk KSU. Segala pindaan perlu dirujuk semula kepada pihak Urusetia bagi memastikan kesahihan maklumat.

- (vii) memperkukuh dan meningkatkan taraf sosioekonomi wanita.

DWN yang dikaji semula ini diharap dapat mempercepatkan pencapaian kesaksamaan gender. Namun, kejayaan dalam melaksanakan DWN ini memerlukan kerjasama dan komitmen pelbagai pihak termasuk masyarakat umum dan parti-parti politik.

Jawapan ini telah diluluskan oleh Y. Bhg. Datuk KSU. Segala pindaan perlu dirujuk semula kepada pihak Urusetia bagi memastikan kesahihan maklumat.

SOALAN NO. (33)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG
(BATU)**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2008 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG (BATU) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat mengembalikan pilihan raya Kerajaan tempatan, jika tidak, apa sebabnya.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) belum bercadang untuk mengadakan pilihanraya kerajaan tempatan bagi pemilihan ahli majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Cadangan untuk mengadakan semula pilihan raya kerajaan tempatan adalah tidak selaras dengan undang-undang dan dasar sedia ada. Antara undang-undang yang berkenaan ialah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] dan Akta Pilihanraya Kerajaan Tempatan 1960 [Akta 473].

KPKT berpendapat pilihanraya peringkat Kerajaan Tempatan bukanlah faktor yang menentukan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan PBT. Kecekapan PBT adalah berdasarkan gabungan pelbagai faktor seperti kepimpinan yang dinamik, tenaga kerja yang mahir dan terlatih, proses dan prosedur kerja yang cepat dan mudah, perancangan bandar yang mapan, keseragaman undang-undang dan

peraturan, pengurusan sumber hasil dan kewangan yang cekap, pelaksanaan projek pembangunan yang berkesan dan sebagainya. Kesemua perkara ini diberi perhatian sewajarnya oleh KPKT melalui pelbagai inisiatif penambahbaikan yang dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

November 2008

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD
[HULU SELANGOR]
TARIKH : 3 NOVEMBER 2008
RUJUKAN : 1305

SOALAN:

Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad [Hulu Selangor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah kos pemulihan seorang penagih di pusat serenti selama dua tahun penahanannya. Dan setelah dua tahun menjalani aktiviti pemulihan di pusat serenti, berapakah peratus kejayaan penagihan tidak menagih semula dalam tempoh dua tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Y.B. kos pemulihan seorang penagih di pusat serenti selama dua tahun ialah sebanyak RM14,432.10, iaitu berdasarkan kos pemulihan sehari sebanyak RM19.77 bagi setiap orang.

Sementara itu, mengikut rekod pemantauan yang dijalankan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), kadar kejayaan penagih tidak menagih semula selepas 2 tahun menjalani pemulihan di Pusat Serenti bagi tahun 2006 ialah sebanyak 38.49% (5,729 orang) dan bagi tahun 2007 pula meningkat kepada 40.39% (7,582 orang).

Di samping faktor kesediaan, kesedaran motivasi dan komitmen dari kalangan bekas penagih itu sendiri untuk berjaya dalam pemulihan faktor-faktor lain seperti sokongan keluarga dan penerimaan masyarakat adalah merupakan peranan yang penting untuk membantu bekas-bekas penagih mengekalkan kepulihan dan mencegah daripada menagih semula.